

CNS6605

RGB 10-07 00168 BB067

bah

PM BIDAS BELIA AGUNGKAN BUDAYA BARAI

Mahathir - Belia

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas para belia yang suka mengagung-agungkan budaya dan cara hidup Barat dengan menyatakan bahawa golongan ini tidak akan menguntungkan Malaysia yang kini giat berusaha untuk menjadi negara maju.

Perdana Menteri, yang menyifatkan gejala tidak sihat sebagai malang, berkata ramai belia negara menerima apa saja dari Barat secara melulu tanpa mengirasama ada nilai itu baik atau buruk.

+Perkara-perkara seperti budaya rock, berambut panjang atau memakai subang telinga bagi lelaki, penagihan dadah dan kegiatan tidak bermoral telah meningkat dan menjadi amalan sesetengah belia kita.

+Belia-belia seperti ini tidak akan menolong menjayakan generasi baru yang bakal memimpin negara; katanya ketika merasmikan pameran Belia Dalam Pembinaan Negara di Kompleks membeli-belah Lot, 10 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata nilai-nilai yang kurang sihat itu perlu dibanteras supaya nilai keutuhan warisan budaya negara tidak tergugat. -- Lagi

▼10/07/15-41MST

CNS6606

RGB 10-07 00157 BB068

bah

Mahathir - belia 2 Kuala Lumpur

Katanya : +Wawasan 2020 bertujuan melahirkan satu masyarakat bermoral, beretika dan bebas daripada sebarang pengaruh seperti kehidupan yang terlalu bebas sehingga apa sahaja sanggup dibuat tanpa mengambil kira kesan baik atau buruk. +

Perdana Menteri juga menasihati para belia supaya sedia berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain khususnya kerajaan bagi menyiapkan diri masing-masing mengejar matlamat wawasan menjadikan Malaysia negara maju.

Sikap negatif yang lama dipegang oleh para belia seperti takut menghadapi risiko, tidak toleran, kekurangan minat terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan faedah, tidak suka bekerjasama dan mementingkan diri sendiri, perlu dikikis, tambah beliau.

+Mereka harus mempunyai matlamat hidup yang jelas, cita-cita tinggi untuk raju, disiplin diri dan berani menghadapi perubahan ke arah kebaikan, + kata Dr Mahathir.

Selain daripada mengubah sikap supaya sesuai dengan keperluan zaman sekarang, beliau berkata para belia juga perlu meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. -- Lagi

▼10/07/15-41MST

CNS6605

RGB 10-07 00168 BB067

bah

PM BIDAS BELIA AGUNGKAN BUDAYA BARAI

Mahathir - Belia

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas para belia yang suka mengagung-agungkan budaya dan cara hidup Barat dengan menyatakan bahawa golongan ini tidak akan menguntungkan Malaysia yang kini giat berusaha untuk menjadi negara maju.

Perdana Menteri, yang menyifatkan gejala tidak sihat sebagai malang, berkata ramai belia negara menerima apa saja dari Barat secara melulu tanpa mengirasama ada nilai itu baik atau buruk.

+Perkara-perkara seperti budaya rock, berambut panjang atau memakai subang telinga bagi lelaki, penagihan dadah dan kegiatan tidak bermoral telah meningkat dan menjadi amalan sesetengah belia kita.

+Belia-belia seperti ini tidak akan menolong menjayakan generasi baru yang bakal memimpin negara; katanya ketika merasmikan pameran Belia Dalam Pembinaan Negara di Kompleks membeli-belah Lot, 10 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata nilai-nilai yang kurang sihat itu perlu dibanteras supaya nilai keutuhan warisan budaya negara tidak tergugat. -- Lagi

▼10/07/15-41MST

CNS6606

RGB 10-07 00157 BB068

bah

Mahathir - belia 2 Kuala Lumpur

Katanya : +Wawasan 2020 bertujuan melahirkan satu masyarakat bermoral, beretika dan bebas daripada sebarang pengaruh seperti kehidupan yang terlalu bebas sehingga apa sahaja sanggup dibuat tanpa mengambil kira kesan baik atau buruk. +

Perdana Menteri juga menasihati para belia supaya sedia berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain khususnya kerajaan bagi menyiapkan diri masing-masing mengejar matlamat wawasan menjadikan Malaysia negara maju.

Sikap negatif yang lama dipegang oleh para belia seperti takut menghadapi risiko, tidak toleran, kekurangan minat terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan faedah, tidak suka bekerjasama dan mementingkan diri sendiri, perlu dikikis, tambah beliau.

+Mereka harus mempunyai matlamat hidup yang jelas, cita-cita tinggi untuk raju, disiplin diri dan berani menghadapi perubahan ke arah kebaikan, + kata Dr Mahathir.

Selain daripada mengubah sikap supaya sesuai dengan keperluan zaman sekarang, beliau berkata para belia juga perlu meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. -- Lagi

▼10/07/15-41MST

CNS6608

R GB 10-07 00122 BB069

bdh

Mahathir - Belia 3 Kuala Lumpur

+Di era letupan informasi sekarang ini para belia tidak dapat tidak harus mengikutipelbagai perkembangan maklumat dan ilmu yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka,+ katanya.

Perdana Menteri berkata golongan belia harus sedar tanpa ilmu yang tinggi mereka tidak akan dapat ke mana atau membawa negara ke mercu liejayaan padamasadepan.

Parabeliajuga harus 'menambah kemahiran untuk maju, katanya.

Beliau juga menasihati mereka supaya aktif dalam persatuan belia.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi galakan kepada belia untuk bergerak cergas dalam persatuan-persatuan berkenaan.

Dr Mahathir juga menekankan perlunya interaksi antara belia berbilang kaum dalam usaha melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. -- Lagi

▼10/07/15-41MST

CNS6609

R GB 10-07 00080 BB070

bah

Mahathir. - Belia 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagi mencapai matlamat itu, beliau berkata persatuan-persatuan belia beridentiti. tikan kaum, perlu dikurangkan.

+Budaya kaum termasuk bahasa tidak akan hilang hanya kerana kita merapatkan hubungan antara kaum, + tambah Dr Mahathir.

Katanya, para belia juga harus menanam semangat rela berkorban, taat setia dan cinta kepada negara.

Perdana Menteri berkata nilai-nilai itu boleh disemai kepada belia melalui program-program membina diri dan semangat. -- Bernama

▼10/07/15-41MST